

# ISU-ISU MORAL

Minggu 12. 13 dan 14

# ISU-ISU MORAL

- ALAM SEKITAR
  - **Alam sekitar:** tempat sekeliling, suasana dan pengaruh sesuatu tempat sekeliling yang memberi kesan kepada penghuninya.
  - isu alam sekitar banyak berkait rapat dengan moral kerana manusia boleh menyumbang kerosakan kepada alam sekitar.

# ISU-ISU MORAL (samb)

- Untuk membincangkan isu ini dengan mengaitkan nilai-nilai yang ada, kita akan berdepan dengan dua pandangan :
  - Antroposentrisme, memberi tumpuan kepada manusia
  - Ekosentrisme, menganggap semua bentuk hidupan mempunyai hak.
- Jenis-jenis pencemaran seperti pencemaran air, udara, bunyi dan pandangan.
- KEHIDUPAN
- Euthanasia merupakan perbuatan menamatkan riwayat pesakit atas permintaannya sendiri atau ahli keluarganya dengan tujuan mengurangkan kesakitan dan kesengsaraan pesakit tersebut.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Dari segi pandangan agama :
  - Bertentangan dengan ajaran.
  - Dilarang. Membunuh merupakan dosa besar dan membunuh diri termasuk dalam dosa syirik mengikut Agama Islam.

Dari segi pandangan moral :

- Teleologi : sesuatu tindakan ditentukan sepenuhnya oleh akibat tindakan itu.
- Utilitarian : mestilah memikirkan kesan tindakan ke atas diri dan orang lain.
- Deontologi : salah atau benar bukan kerana tindakan semata-mata tetapi oleh faktor lain.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Hukuman mati
  - Jenis jenayah hudud ada lapan dan empat sahaja yang disabitkan dengan hukuman mati iaitu jenayah zina, pembunuhan, murtad dan penderhakaan. Dua darinya mencapai kata sepakat Ulama' sebagai kesalahan hudud yang mesti menerima hukuman mati.
  - Tujuan hukuman mati dijatuhkan sebagai pembalasan, pencegahan dan pemulihan.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Pengguguran

Pihak yang menentang *Pro-Life*

- hendaklah di hentikan dan diharamkan.
- perbuatan tidak bermoral.
- menghalalkan pengguguran akan menggalakkan seks bebas.

Dan yang menyokong *Pro-Choice*

- akan menggalakkan pengguguran secara haram.
- Memaksa wanita melahirkan bayi hasil daripada dirogol adalah satu penderaan.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Dari segi agama, seperti Agama Islam pengguguran adalah salah dan haram setelah janin bernyawa kecuali dalam keadaan darurat untuk menyelamatkan nyawa ibu.
- Begitu juga dengan Agama Kristian, juga melarang pengikutnya melakukannya kerana anak itu juga mempunyai nilai yang sama untuk hidup.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Dari pandangan moral.
  - Utilitarianisme, baik buruk sesuatu tindakan ditentukan oleh kegunaan, faedah, kebaikan, keuntungan dan manfaatnya.
  - Egoisme, yang penting ialah tindakan itu adalah untuk kepentingan dan kebaikan diri sendiri.
  - Eksistensialisme, seorang wanita bebas memilih sama ada menggugurkan kandungannya atau tidak.

## Etika perniagaan **ISU ISU MORAL ( samb )**

- Setiap perniagaan mempunyai matlamat mencari keuntungan untuk kepentingan peniaga. Etika sebagai peraturan sama ada perlakuan itu baik atau buruk. Perniagaan pula merujuk kepada proses jual beli barangan dan perkhidmatan.
- Dengan kata lain, etika perniagaan bermaksud pertimbangan moral yang berlandaskan peraturan tertentu dalam menentukan sama ada perlakuan dalam perniagaan itu betul atau salah.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Perniagaan mempunyai kod etikanya sendiri :
  - Perniagaan mesti mengiktiraf hak pengguna
  - Perniagaan mesti jujur
  - Perniagaan mesti adil
  - Perniagaan mesti saling bersaing secara sihat
- Etika dan hubungan peniaga dengan Negara, pengguna pembekal, pekerja dan masyarakat.

# ISU-ISU MORAL ( samb )

## Bersekedudukan

- Linus blanket: seseorang yang tidak ada keyakinan dan merasa kurang selamat dan akan memilih bersedudukan dengan sesiapa sahaja.
- Emancipation: banyak berlaku di kalangan gadis yang ingin mencari kebebasan dan biasanya berakhir dengan kegagalan.
- Convenience : untuk mendapat kemudahan. Seperti ingin mendapatkan seks dan pengurusan rumah serta kasih sayang sahaja.
- Testing: tinggal bersama tanpa berkahwin sebagai percubaan sama ada serasi atau tidak.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- Bersekedudukan ialah tinggal bersama tanpa ikatan perkahwinan yang sah.
  - Egoisme, jika membawa kebaikan dan kepentingan dirinya tindakan itu dianggap bermoral.
  - Utilitarianisme, jika itu pilihan terbaik dan menguntungkan semua pihak berbanding pilihan lain, tindakan itu dianggap bermoral.
  - Eksistensialisme, jika itu tindakan dan pilihan utama secara bebas maka dianggap bermoral.
- Namun di Malaysia, amalan ini tidak diterima dan dianggap tidak bermoral serta dilarang oleh agama.

# ISU-ISU MORAL ( samb )

## DISKRIMINASI JANTINA

- Diskriminasi jantina ialah layanan yang berbeza terhadap individu atau kumpulan atas dasar jantina.
- Diskriminasi jantina mungkin berlaku disebabkan perbezaan keadaan fizikal jantina.

## ISU-ISU MORAL ( samb )

- **Penyokong**

- Berbeza dari aspek fizikal, oleh itu perlu menduduki ruang dan tempat yang berbeza.
- Perlu dilayan sesuai dengan jantina masing-masing.
- Perlu berkelakuan sejajar dengan sifat semulajadi, maka kedua-dua jantina ini perlu dibezakan kerana sifat semulajadi mereka yang berbeza.

# ISU-ISU MORAL ( samb )

- **Pembangkang**
  - Tanggapan dan pandangan terhadap wanita yang dikatakan lemah, tidak rasional, tidak berguna adalah tidak berasas sama sekali.
  - Tiada bukti untuk membuktikan perbezaan jantina yang bersifat sejagat kecuali perbezaan fizikal.

# ISU-ISU MORAL ( samb )

- Bagi pandangan egoisme, sesuatu tindakan yang hendak diambil itu sekiranya memberi keuntungan dan kebaikan kepada seseorang itu maka tindakan itu mempunyai nilai baik dan dianggap bermoral manakala jika sebaliknya dianggap tidak bermoral dan mempunyai nilai yang tidak baik.
- Prinsip egoisme, diskriminasi jantina dianggap bermoral jika dapat mengukuhkan kedudukan seseorang ( jantina ) daripada ancaman.